

29 FEB 1996

ASEM JANGAN ULANG KESILAPAN APEC, KATA RAFIDAH

Oleh: Michael Raj

BANGKOK, 29 Feb (Bernama) -- Mesyuarat Asia Eropah (ASEM) janganlah mengulangi kesilapan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bogor, Indonesia dalam menetapkan rangka masa bagi langkah-langkah pembukaan pasaran, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata di sini hari ini.

Rafidah berkata Malaysia bimbang terhadap langkah seumpamanya kerana tiada sesuatu menyekat para pemimpin di ASEM daripada mengemukakannya dengan cara bersahaja.

"Perlulah diingat bahawa sesetengah perkara dikemukakan pada mesyuarat tidak rasmi seperti ini akhirnya boleh menjadi sesuatu yang diinstitusikan," katanya.

"Kita telah melihat itu berlaku di dalam APEC, jadi jangan kita ulangi kesilapan-kesilapan itu di dalam ASEM," beliau memberitahu para wartawan Malaysia menjelang sidang kemuncak tidak rasmi yang menyatukan 10 negara Asia dan 15 Eropah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba kira-kira sejam selepas taklimat Rafidah itu, telah menentang langkah Apec di Bogor untuk mengenakan jangka waktu bagi para anggota meliberalkan pasaran mereka.

Pendirian Malaysia yang tegas, walaupun bersendirian, menyebabkan APEC menetapkan resolusi untuk meliberalkan pasaran mereka tetapi dengan fasal yang menyatakan bahawa ia janganlah mengikat.

Rafidah bagaimanapun berkata jika negara-negara mahu bertanggung jawab secara sehalu dalam mengurangkan tarif, "itu tidak apa ... kita boleh terima, tetapi bukan pandangan bahawa ia harus mengikat kepada semua."

Beliau juga menyatakan kebimbangan, semasa mesyuarat peringkat menteri, bahawa menteri-menteri ekonomi Eropah tidak akan hadir, kerana perkara-perkara ekonomi mengenai Eropah, adalah dikendalikan oleh Suruhanjaya Eropah.

Memandangkan para menteri luar Eropah mengiringi para pemimpin mereka ke Bangkok, adalah sukar untuk membincangkan isu-isu perdagangan dan ekonomi tertentu berkaitan dengan sebarang negara individu Eropah.

Katanya: "Memandangkan kita hanya menemui Sir Leon Brittain, pesuruhjaya Suruhanjaya Eropah, tidak apa, beliau boleh bercakap bagi pihak Kesatuan Eropah (EU), tetapi negara-negara individu di dalam EU mempunyai dasar dalam negara mereka sendiri yang mana kita tidak setuju."

"Mereka mengenakan isu-isu seperti kayu tropika ... itu bukan perkara EU, jadi jika menteri-menteri ekonomi EU tiada di sini, adalah sukar untuk bercakap mengenai perkara-perkara seperti itu," katanya sambil menambah bahawa jika menteri-menteri luar boleh menjawab kepada persoalan-persoalan mengenai isu-isu seumpamanya, "maka baguslah."

Bagaimanapun daripada pengalaman masa lalu, perbincangan dengan EU tidak banyak boleh dicapai jika para menteri luar diminta bercakap mengenai Pusingan Uruguay atau tabung-tabung pelaburan, yang sebenarnya di bawah bidang kuasa operasi menteri-menteri ekonomi.

"Adalah berguna mempunyai pertubuhan yang selari, termasuk menteri-menteri ekonomi, maka ia adalah lebih bermakna tetapi EU tidak mempunyai struktur seumpama itu," tambahnya.

ASEM harus mencapai kedudukan di mana sektor swasta Eropah dan pihak-pihak yang cenderung kepada Eropah akan disedarkan mengenai potensi ekonomi Asia, kata Rafidah.

Ditanya bagaimana Amerika Utara akan melihat ASEM, Rafidah berkata:
"Saya percaya mereka memandang berat, ingin tahu ... saya pasti mereka akan memasang telinga untuk mengetahui apa yang akan berlaku."

"Saya pasti sesetengah orang mentafsirkan ini secara betul atau salah, sebagai langkah mengimbangi diri oleh orang Asia, iaitu kita telah berada di dalam APEC dengan Amerika dan kedua-dua Amerika dan kita kini di dalam ASEM dengan negara-negara Eropah.

"Kita (Asia) mempunyai tapak kita di dua rantau yang besar, Amerika dan Eropah," kata Rafidah sambil menambah bahawa manakala Asia mempunyai hubungan dengan Amerika, ia bersikap praktikal dan pragmatik terhadap realiti pendedahan antarabangsanya, oleh itu mengukir perhubungan yang lebih rapat dengan Eropah.

Bagaimanapun, kata Rafidah Eropah harus memupuk perhubungan ekonomi dengan Asia berasaskan perkongsian sama rata dan membincangkan pandangan masa depan yang ketinggalan zaman terhadap Asia sebagai jajahan dan Eropah sebagai penjajah seperti zaman selepas Marco Polo. -- BERNAMA

MR OS